



Laporan Tahunan ANNUAL REPORT **2011**



Biro Pengaduan Awam
Public Complaints Bureau

Sedia Membantu | Ready to Serve

ISSN 2180-3021



Sesungguhnya kisah perjalanan Malaysia penuh warna-warni. Bermula daripada sebuah negara pertanian berpendapatan rendah semasa penubuhannya, hari ini, hasil mahsul perancangan penuh sistematik dan pelaksanaan begitu mapan, kita telah berjaya muncul sebagai negara perindustrian moden yang berpendapatan sederhana tinggi. Bertolak dari situ, sekalipun kejayaan yang telah dicapai bersifat monumental dan amat signifikan, ia bukanlah alasan yang membenarkan kita untuk berhenti berusaha, berasa puas hati, berasa selesa, apatah lagi mengambil sikap bersimpuh sambil berpeluk tubuh.

YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak

Perdana Menteri Malaysia

15 September 2011



The tale of Malaysia's journey is indeed colourful. From its beginning as a low income agricultural nation at the time of its formation, today, as a result of systematic planning and sound implementation, we have successfully emerged as a moderately high income modern industrial nation. Moving on, although the success attained is monumental and very significant, it is not a reason for us to cease our effort, be comfortable, what more do nothing.

YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak

Prime Minister of Malaysia

15 September 2011



Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan
People First, Performance Now

KANDUNGAN **CONTENTS**

Perutusan/*Message*

Menteri di Jabatan Perdana Menteri <i>Minister in the Prime Minister's Department</i>	6 - 7
Ketua Setiausaha Negara <i>Chief Secretary to the Government</i>	8 - 9
Ketua Pengarah <i>Director-General</i>	10 - 11
Lembaga Penasihat <i>Advisory Board</i>	13 - 16
Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam <i>Permanent Committee on Public Complaints</i>	18 - 26

Maklumat Korporat/*Corporate Information*

Carta Organisasi <i>Organisational Chart</i>	29
Pengurusan Tertinggi <i>Top Management</i>	31 - 33
Pengarah Negeri <i>State Directors</i>	34 - 35
Visi dan Objektif <i>Vision and Objectives</i>	36
Misi, Dasar Kualiti dan Piagam Pelanggan <i>Mission, Quality Policy and Clients' Charter</i>	37
Kod Etika <i>Code of Ethics</i>	38
Saluran Aduan <i>Complaints Channel</i>	39
Petunjuk Prestasi Utama <i>Key Performance Indicators</i>	40

KANDUNGAN CONTENTS

Pengurusan Aduan/*Complaints Management*

42 - 43	Pengenalan <i>Introduction</i>
44 - 45	Saluran Aduan <i>Complaints Channel</i>
46 - 57	Program Proaktif <i>Proactive Programme</i>
58 - 75	Pelaporan dan Analisis Aduan <i>Complaints Report and Analysis</i>
76 - 81	Penyelesaian Aduan <i>Complaints Resolution</i>
82 - 97	Kategori Aduan <i>Complaints Category</i>
98	Sektor Aduan <i>Complaints Sector</i>
99 - 103	Contoh-Contoh Kes <i>Example of Cases</i>
104 - 106	Maklum Balas Pelanggan <i>Customer Feedback</i>
108 - 109	Surat Penghargaan <i>Letters of Appreciation</i>
110 - 115	Inovasi dalam BPA <i>Innovation in PCB</i>
116 - 118	Pemantauan Media <i>Media Monitoring</i>
119 - 123	Rangkaian Kerjasama Strategik <i>Strategic Networking</i>
124 - 127	Pemantauan Aduan Yang Diterima Kementerian <i>Monitoring of Complaints Received by Ministries</i>
128 - 129	Sistem e-Rating BPA <i>PCB's e-Rating System</i>
133 - 135	BPA Bersama Media <i>PCB with the Media</i>
138 - 139	BPA dalam Liputan Akhbar <i>Coverage of PCB in Newspapers</i>

KANDUNGAN

CONTENTS

Khidmat Pengurusan/*Management Services*

Pengenalan <i>Introduction</i>	143
Prestasi Kewangan <i>Financial Performance</i>	143 - 144
Pengurusan Aset <i>Asset Management</i>	145 - 147
Pengurusan Kontrak <i>Contract Management</i>	148
Perjawatan <i>Personnel</i>	149
Pembangunan Modal Insan <i>Human Capital Development</i>	150 - 151
Inisiatif Penempatan Pelajar Latihan Industri <i>Practical Student Attachment Initiative</i>	152
Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) <i>Human Resource Management Information System (HRMIS)</i>	153
Majlis Bersama Jabatan <i>Departmental Joint Council</i>	154
Pelaksanaan 5S <i>5S Implementation</i>	155
Pembangunan Pelan Strategik Teknologi Maklumat <i>Development of Information Technology Strategic Plan</i>	156
Perkhidmatan Unit Teknologi Maklumat <i>Services of Information Technology Unit</i>	157 - 158
Pengurusan Fail <i>File Management</i>	159
Keselamatan Pejabat <i>Office Security</i>	159
Persijilan MS ISO 9001:2008 <i>MS ISO 9001:2008 Certification</i>	160

KANDUNGAN

CONTENTS

Imbasan/*Retrospective*


- | | |
|------------------|---|
| 162 - 163 | Perhimpunan Bulanan
<i>Monthly Assembly</i> |
| 164 - 165 | Lawatan
<i>Visits</i> |
| 166 - 169 | PUSPANITA Cawangan Kecil BPA
<i>PUSPANITA PCB Sub-Branch</i> |
| 170 - 173 | Kelab Sukan dan Kebajikan BPA
<i>PCB Sports and Welfare Club</i> |
| 174 | Pelbagai Aktiviti
<i>Other Activities</i> |
| 176 - 208 | Statistik
<i>Statistics</i> |
| 209 | Maklumat Pejabat BPA
<i>Information on PCB Offices</i> |

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Saya amat gembira di atas kejayaan Biro Pengaduan Awam (BPA) menerbitkan Laporan Tahunan 2011. Penerbitan laporan ini merupakan antara inisiatif BPA untuk merumuskan pencapaian pengurusan aduan awam melalui kerjasama erat dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dalam menangani aduan orang ramai, seterusnya meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam bagi tahun 2011.

Aduan awam merupakan maklum balas penting yang menjadi kayu ukur prestasi sesebuah agensi awam. Ianya selaras dengan dasar semasa Kerajaan berteraskan "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan", di mana kepuasan rakyat mencerminkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam. BPA sentiasa menyokong pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan yang mencakupi tujuh (7) Bidang Keberhasilan Utama Negara berserta dengan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian dan Petunjuk Prestasi Utama masing-masing. Oleh itu, BPA sebagai salah satu komponen penting dalam merealisasikan Program Transformasi Kerajaan (GTP), akan terus memainkan peranan yang proaktif dan inovatif dalam memastikan kejayaan semua inisiatif transformasi Kerajaan yang berkaitan dengan pengurusan aduan.

Perkhidmatan Kerajaan yang berorientasikan rakyat sentiasa memerlukan maklum balas serta menerima baik aduan awam sebagai input pengurusan yang strategik. Aduan yang dilihat dari perspektif positif juga mampu membantu agensi-agensi kerajaan menambah baik kualiti penyampaian perkhidmatan masing-masing. Justeru, Kerajaan



Menteri di Jabatan Perdana Menteri

telah menyediakan pelbagai saluran demi memudahkan rakyat sebagai pelanggan menyampaikan maklum balas mereka, seterusnya menjamin perkhidmatan diterima rakyat ditambahbaikkan secara berterusan.

Peranan serta pendekatan BPA dalam menguruskan aduan akan terus ditambahbaik sesuai dengan perkembangan dinamik Malaysia di segi politik, ekonomi dan sosial. BPA bukan lagi setakat menjadi penerima aduan ke atas agensi-agensi kerajaan tetapi turut mengambil peranan utama yang lebih proaktif dengan menilai aduan sebagai sumber inovasi dalam penyelesaian isu-isu secara holistik dan sistemik untuk manfaat rakyat keseluruhannya.

Seiring dengan perubahan landskap pemikiran rakyat serta perkembangan pesat teknologi maklumat, BPA telah melangkaui peranan menguruskan aduan kepada menganalisis serta merancang kaedah penyelesaian aduan secara menyeluruh. Ini termasuklah pelaksanaan beberapa inisiatif demi mengejapkan pengurusan aduan awam antaranya Audit Pengurusan Aduan di semua kementerian dan pemantauan jawapan pertanyaan awam di peringkat kementerian.

Saya yakin pencapaian BPA sepanjang tahun 2011 boleh menjadi pemangkin kepada BPA untuk terus mendukung aspirasi Kerajaan yang sentiasa peka kepada kehendak dan naluri rakyat demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "G. Palanivel".

DATUK SERI G. PALANIVEL

Salam Sejahtera and Salam 1Malaysia.

I am pleased that the Public Complaints Bureau (PCB) has succeeded in publishing the 2011 Annual Report. It is among the PCB initiative to consolidate the overall management of public complaints through close collaboration with other government agencies, thus enhancing the quality of public service delivery for the year 2011.

Public complaints are a vital yardstick to measure the performance of public agencies. In consonant with the present policy of "People First, Performance Now", customers' satisfaction is a mirror reflecting the effectiveness of public service delivery. PCB always supports the implementation of the Government Transformation Programme (GTP) which encompasses the seven National Key Results Areas, the respective Ministerial Key Result Areas and Key Performance Indicators. PCB as a key component in realising GTP will continue to play its proactive and innovative role to ensure the successful implementation of the transformational initiatives related to complaints management.

Government services which are people-oriented always require feedback and welcome public complaints as a strategic management input. Complaints viewed from a positive perspective can help government agencies improve the quality of their respective services delivery. In this regard, the Government has made available various channels to enable the public to convey their feedback, thus guaranteeing continued improvement of its services.

PCB's role and approach in managing complaints will continuously be enhanced to correspond to Malaysia's vibrant political, economic and social development. PCB is not just a channel for public complaints, but has undertaken a more proactive role by using complaints as a source of innovation

Minister in the Prime Minister's Department

to holistically and systemically resolve issues for the benefit of the general public.

In line with the changing landscape of the public's mindset and rapid development of information technology, PCB has leaped beyond the role of managing complaints to analysing and planning for comprehensive complaints resolution in a holistic way. This includes the implementation of several initiatives to strengthen complaints management such as complaints management audit of all ministries and the monitoring of public inquiries at the ministry's level.

I am confident that PCB's achievement in 2011 will be a catalyst for it to continuously support the Government's aspiration of being sensitive towards the people's needs and well-being as well as the prosperity of the nation.



DATUK SERI G. PALANIVEL

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1Malaysia.

Dengan kedatangan abad ke-21, perkhidmatan awam terpanggil untuk lebih inovatif menghadapi cabaran-cabaran baru seperti keadaan ekonomi global yang tidak menentu dan harapan serta kehendak rakyat yang semakin meningkat dan kompleks. Oleh itu, Kerajaan perlu bertindak dengan pantas dalam menghadapi dan menangani cabaran-cabaran ini supaya negara terus bergerak maju dan kesejahteraan rakyat sentiasa ditingkatkan.

Dengan arus perubahan persekitaran yang begitu pantas, lebih aduan terhadap kualiti penyampaian perkhidmatan awam akan terus diterima oleh agensi kerajaan. Aduan awam amat mustahak kerana ia berperanan sebagai mekanisme *check and balance* bagi membolehkan agensi kerajaan mengatasi ruang-ruang kelemahan melalui tindakan penambahbaikan secara berterusan. Pengurusan aduan tidak seharusnya kekal sebagai agenda sampingan dalam pengurusan agensi kerajaan. Sebaliknya ia perlu ditekankan sebagai agenda penting dalam usaha untuk meningkatkan sistem penyampaian agensi kerajaan secara lebih berkesan, cekap dan mesra rakyat.

Dalam pengurusan aduan, penjawat awam perlu menyemai sikap empati, menghormati, mesra dan mengambil berat terhadap keperluan pelanggan. Perkhidmatan yang diberikan hendaklah



Ketua Setiausaha Negara

memudahkan rakyat, berserta dengan layanan yang konsisten dan adil kepada semua golongan masyarakat. Budaya kerja sebagai satu pasukan, perkongsian maklumat, pendekatan *No Wrong Door* dan konsep *Whole of Goverment* juga merupakan elemen yang perlu ada pada diri setiap penjawat awam. Dengan mananamkan sikap dan mengamalkan budaya kerja sebegini, diyakini bilangan aduan dapat dikurangkan dan permasalahan aduan berulang dapat diatasi.

Saya berbangga dengan pelbagai usaha yang telah dilaksanakan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA) untuk membawa perubahan, inovasi dan transformasi dalam penyampaian perkhidmatan awam dengan cara bekerjasama dengan agensi-agensi lain. Suatu ketika dahulu, BPA dan agensi kerajaan hanya bertindak sekadar “memadamkan api” ke atas isu-isu aduan dan bukannya mengambil pendekatan yang proaktif dan menyeluruh ke atas pengurusan aduan, terutamanya dari segi sikap yang diambil semasa berurusan dengan pelanggan. Pada masa ini, falsafah asas adalah untuk melihat aduan sebagai sumber inovasi bagi mentransformasikan perkhidmatan awam supaya lebih cekap dan berdaya saing.

Saya berharap BPA akan terus menjadi penghubung antara rakyat dengan Kerajaan serta pemangkin kepada transformasi perkhidmatan awam supaya ia kekal relevan. Bersama-sama lah kita melunaskan tanggungjawab yang diamanahkan selaku penjawat awam dengan penuh integriti dan ikhlas demi kepentingan rakyat dan negara.

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HJ. HASSAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh and Salam 1Malaysia.

With the advent of the 21st century, the public service must be more innovative in facing new challenges, such as the global economic uncertainty as well as the increasing and complex demand and expectations of the people. There is a need for the Government to act expeditiously to deal with these challenges so as to ensure the nation's continuous development and well-being of the people.


With the rapidly changing environment, government agencies will no doubt continue to receive more complaints on the quality of public service delivery. Complaints are vital as they serve as a check and balance mechanism to enable government agencies to overcome any shortcomings through continuous improvement. Complaints management should not remain as a secondary agenda in the management of government agencies. Instead it should be stressed as an important agenda, in our effort to enhance the effectiveness, efficiency and customer-friendliness of the public service delivery.

In complaints management, civil servants must be instilled with a sense of empathy, respect, friendliness and concern for the needs of the clients. While the services provided should be facilitated, more importantly the people must be served fairly and with consistency. The culture of teamwork, knowledge sharing, "No Wrong Door" approach and the "Whole of Government" concept are some of the elements that must be inculcated in all civil servants. Inculcating and practicing such attitude and culture will inevitably help reduce the number of complaints and recurring issues.

Chief Secretary to the Government

I am proud of the numerous efforts undertaken by the Public Complaints Bureau (PCB) to bring about change, innovation and transformation in the delivery of public service through collaboration with other agencies. In the past, PCB and government agencies were merely firefighting in dealing with complaints, instead of taking a more proactive and comprehensive approach in addressing the issues, particularly in our attitude in dealing with our customers. Now, the basic philosophy is to view complaints as a source of innovation to further transform the public service to be more effective and competitive.

I hope PCB will continue to be the vital link between citizens and the Government, and a catalyst for public service transformation so that it remains relevant. Let us fulfill the responsibility entrusted upon us as public servants with upmost integrity and sincerity in the interest of the people and nation.



TAN SRI MOHD SIDEK BIN HJ. HASSAN

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Biro Pengaduan Awam (BPA) mengendalikan aduan keseluruhan jentera kerajaan yang terdiri daripada kerajaan persekutuan dan negeri, pihak berkuasa tempatan serta badan-badan berkanun. Di samping itu, BPA bukan sahaja berperanan menguruskan aduan orang ramai ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh agensi kerajaan, tetapi juga terhadap penjawat awam yang mentadbirkan atau menyampaikan perkhidmatan kepada orang ramai. Oleh itu, tugas keseluruhan yang diamanahkan kepada BPA sememangnya luas, kompleks dan mencabar.

Aduan tidak lagi dilihat secara negatif tetapi sebagai satu bentuk maklum balas agar jabatan dan agensi kerajaan sentiasa mengambil inisiatif berterusan bagi memenuhi harapan rakyat. Bertepatan dengan pendekatan Kerajaan yang mendahuluikan rakyat dan menitikberatkan prestasi dan pencapaian cemerlang, aduan awam akan terus menjadi pemangkin dalam mempertingkatkan lagi mutu penyampaian perkhidmatan awam.

Walaupun telah banyak penambahbaikan dilakukan ke atas perkhidmatan dan sistem penyampaian perkhidmatan awam, aduan daripada orang ramai akan terus diterima oleh agensi awam kerana ia mencerminkan kehendak dan harapan masyarakat yang mahukan penambahbaikan mutu perkhidmatan awam yang berterusan.



Ketua Pengarah

Secara keseluruhannya, jumlah penerimaan aduan bagi tahun 2011 adalah sebanyak 13,356 aduan. Ia menunjukkan penurunan sebanyak 1,344 (9.1%) aduan berbanding dengan jumlah penerimaan aduan bagi tahun 2010. Dari jumlah tersebut, BPA telah menyelesaikan sebanyak 13,045 (97.7%) aduan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan berbanding 98.7% daripada jumlah 14,700 aduan yang diterima pada tahun 2010. Penurunan bilangan aduan yang diterima pada tahun 2011 berbanding 2010 bukan bermakna bahawa orang ramai semakin kurang yakin peranan BPA. Tetapi ia menggambarkan tahap kecekapan dan keberkesanan agensi-agensi awam dalam sistem penyampaian serta pengurusan aduan-aduan awam. Orang ramai memilih untuk mengemukakan terus aduan mereka kepada agensi-agensi yang berkenaan.

Selaku pemudah cara dan *watchdog* dalam pengurusan aduan awam, BPA akan terus memainkan peranan aktif membantu agensi-agensi dalam memantapkan sistem pengurusan aduan masing-masing. Ini termasuk melalui pelbagai tindakan proaktif sama ada secara bersendirian atau melalui kerjasama erat dengan agensi-agensi kerajaan.

Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pengaduan Awam (JKTPA), Lembaga Penasihat BPA, semua Ketua Setiausaha Kementerian serta Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri di atas komitmen dan kerjasama yang diberikan kepada BPA bagi memastikan aduan awam dapat diselesaikan secara cekap dan berkesan.

DATO' DR. TAM WENG WAH

Salam Sejahtera and Salam 1Malaysia.

Public Complaints Bureau (PCB) handles complaints against government agencies at all levels including federal and state agencies, local authorities as well as statutory bodies. The role of PCB does not only confine to public complaints on the services provided by government agencies but also on public servants who are involved in rendering the services. Therefore, the overall task of PCB is very wide, complex and challenging.

Complaints are no longer viewed negatively but as a form of feedback for government departments and agencies to continuously undertake initiatives to meet public's expectations. In consonant with the Government's agenda emphasising on excellent performance and achievement as well as putting people first, public complaints will continue to be catalyst in enhancing the quality of public service delivery.

Despite numerous improvements made to the public service and its delivery system, complaints will continue to be received from the public. This reflects the demand and expectation of the people for continuous improvement in the quality of public service delivery.

In 2011, PCB received 13,356 complaints, a decrease of 1,344 (9.1%) from the number of complaints received in 2010. With the cooperation of various government agencies, PCB managed to resolve 13,045 or 97.7% of the complaints compared to 98.7% of the total 14,700 complaints received in 2010. The decline in the number of complaints received in 2011 does not mean that the public has less confidence in PCB handling their complaints, rather it is a reflection of the higher level of

Director-General

efficiency and effectiveness achieved by government agencies in public service delivery and public complaints management. This has, instead, led the public to channel their complaints directly to agencies.

As facilitator and 'watchdog' in managing public complaints, PCB will continue its active role in assisting agencies to strengthen their complaints management system. This is done through various proactive actions taken singularly by PCB or through close collaboration with government agencies.

Finally, I would like to express my utmost gratitude and sincere appreciation to the Chairman and Members of the Permanent Committee on Public Complaints (PCPC), the PCB Advisory Board, all Secretaries-General of Ministries as well as Heads of Departments and Agencies at the Federal and State levels for the commitment and cooperation extended to PCB in ensuring that complaints are expeditiously and effectively resolved.

DATO' DR. TAM WENG WAH

satisfaction

“Kepuasan pelanggan bukan merupakan satu senario yang mutlak, tetapi banyak bergantung kepada interaksi, maklum balas, pujian dan aduan. Aduan perlu dilihat dalam perspektif yang membina, positif dan profesional...”

“Customer satisfaction is not an absolute scenario, but very much depends on interactions, feedback, praise, and complaints. Complaints have to be looked at in a constructive, positive and professional perspective...”

Arash Shihan,
4th International Management Conference

Lembaga Penasihat BPA adalah badan penasihat yang ditubuhkan bertujuan untuk mempertingkatkan keberkesanan BPA dalam menjalankan tanggungjawabnya. Lembaga Penasihat ini diketuai oleh seorang pengurus dengan ahli-ahlinya terdiri daripada individu yang mewakili agensi kerajaan, sektor swasta, akademia, media dan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Bagi tahun 2011, Lembaga Penasihat telah bermesyuarat sebanyak dua kali, iaitu pada 11 April dan 13 Oktober.

The PCB Advisory Board is a body established to enhance the effectiveness of PCB in exercising its responsibilities. The Advisory Board is headed by a chairman with members comprising individuals representing government agencies, the private sector, the media, academia, and Non-Governmental Organisations (NGOs). In 2011, the Advisory Board met twice, i.e. on 11 April and 13 October.



Tan Sri Abdul Halim bin Ali
Pengerusi Lembaga Penasihat BPA
Chairman of PCB Advisory Board



Adj. Prof. Dato' Syed Amin Aljeffri
Yang DiPertua
Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur (DPMM)
President
Kuala Lumpur Malay Chamber of Commerce

Tan Sri Datuk Dr. Rafiah binti Salim
Pengarah
NAM Institute for the Empowerment of Women Malaysia
Director
NAM Institute for the Empowerment of Women Malaysia



Datuk Haji Zaini bin Mohd Nor
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
Chief Executive Officer
National Solid Waste and Public Cleanliness Corporation

Datuk Yong Soo Heong
Ketua Pengarang
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia
Chief Editor
Malaysian National News Agency



Datuk Marimuthu Nadason
Presiden
Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)
President
Federation of Malaysian Consumers Associations (FOMCA)

**LEMBAGA PENASIHAT BPA
PCB ADVISORY BOARD**

Prof. Tan Sri Dato' Wira Dr. Sharifah Hapsah binti Syed Hasan Shahabudin
Presiden
Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita
*President
National Council of Women's Organisations*



Tan Sri Dato' Lee Lam Thye
Naib Pengurus
Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia
*Vice-Chairman
Malaysian Crime Prevention Foundation*



Prof. Madya Dr. Abu Hassan bin Hasbullah
Pensyarah
Jabatan Pengajian Media Fakulti Seni dan Sains Sosial
Universiti Malaya
*Lecturer
Department of Media Studies
Faculty of Arts and Social Sciences
University of Malaya*

Dato' Siva Subramaniam a/l Nagaratnam
Perunding
Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan
Jawatankuasa Kabinet Masyarakat India
*Consultant
Special Implementation Taskforce
Cabinet Committee on the Indian Community*



Cadangan Penambahbaikan

Lembaga Penasihat telah mengutarkan beberapa perkara utama bagi mempertingkatkan pengurusan aduan awam di BPA seperti berikut:

1. Mengatasi isu penyelenggaraan jalan seperti jalan berlubang dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya dan pihak berkuasa tempatan. Ini termasuk membentangkan kertas cadangan Penambahbaikan Penyelenggaraan Jalan Negeri di Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam Bil. 3/2011 pada 23 Jun 2011.
2. Mengatasi isu iklan haram dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Dalam perkara ini pihak DBKL telah diminta membentangkan laporan iklan haram di Mesyuarat Lembaga Penasihat pada bulan April 2012.
3. Meningkatkan publisiti mengenai BPA di kalangan generasi muda termasuk memanfaatkan slot Bahasa Inggeris di BERNAMA Radio.
4. Memastikan agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan supaya lebih berkesan dalam menguruskan aduan terhadap sektor swasta.

Proposals for Improvements

The Advisory Board, in an effort to improve the management of public complaints, has identified various important concerns and has put forth the following:

1. *To work together with the Public Works Department and the local authorities to resolve the issue of road maintenance, such as potholes. A paper entitled "Proposal to Improve the Maintenance of State Roads" was presented at the Permanent Committee on Public Complaints' Meeting No. 3/2011 on 23 June 2011.*
2. *To resolve the issue of illegal advertisements in collaboration with Kuala Lumpur City Hall (DBKL). In this regard, DBKL was requested to present a report on illegal advertisements at the Advisory Board's meeting in April 2012.*
3. *To increase awareness and publicity about the PCB amongst the younger generation, including obtaining an English slot in Radio BERNAMA.*
4. *To ensure that government agencies, such as the Ministry of Domestic Trade, Cooperative and Consumerism are more effective in managing complaints about the private sector.*



Mesyuarat pada 11 April 2011
Meeting on 11 April 2011



Mesyuarat pada 13 Oktober 2011
Meeting on 13 October 2011

decision

“Tetapi daya penggerak kebanyakan kita dalam sektor awam adalah keyakinan bahawa setiap keputusan yang kita buat setiap hari, dilakukan dengan matlamat ianya lebih baik untuk anak-anak kita pada suatu hari kelak. Ia juga “beban keputusan” yang kita pikul setiap hari.”

“But what keeps most of us back, and what has most of us in the public sector wake up in the morning for, is a conviction that we can do better for our children through the burden of decisions we make each day.”

YBhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Hj. Hassan
(30 November 2011)

Bidang kuasa Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam (JKTPA) adalah seperti berikut:

- Menentukan dasar-dasar mengenai sistem pengendalian pengaduan awam;
- Menimbang dan membuat keputusan mengenai laporan/kes yang dikemukakan oleh BPA mengenai pengaduan awam; dan
- Mengarahkan jabatan/agensi yang berkenaan supaya mengambil tindakan pembetulan dalam menyelesaikan sesuatu aduan/kes yang dirujuk kepadanya.

Keahlian JKTPA adalah seperti berikut:

- Ketua Setiausaha Negara (Pengerusi);
- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia;
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan;
- Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;
- Ketua Pengarah, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia; dan
- Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri.



Tan Sri Mohd Sidek bin Hj. Hassan

The terms of reference of the Permanent Committee on Public Complaints (PCPC) are as follows:

- *To determine policies regarding the public complaints management system;*
- *To consider and decide on reports/cases submitted by PCB on public complaints; and*
- *To direct relevant departments/agencies to take remedial action to resolve cases/complaints referred to it.*

The committee members are:

- *Chief Secretary to the Government of Malaysia (Chairman);*
- *Director-General of Public Service Malaysia;*
- *Secretary-General, Ministry of Finance;*
- *Chief Commissioner, Malaysian Anti-Corruption Commission;*
- *Director-General, Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit; and*
- *Senior Deputy Secretary-General, Prime Minister's Department.*

**JAWATANKUASA TETAP PENGADUAN AWAM
PERMANENT COMMITTEE ON PUBLIC COMPLAINTS**



Tan Sri Abu Bakar bin Haji Abdullah
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia
Director-General of Public Service Malaysia



Tan Sri Dr. Wan Abd Aziz bin Wan Abdullah
Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan
*Secretary-General,
Ministry of Finance*



**Dato' Mohamad Zabidi
bin Zainal**
Ketua Pengarah
Unit Pemodenan Tadbiran dan
Perancangan Pengurusan Malaysia
*Director-General,
Malaysian Administrative
Modernisation and
Management Planning Unit*



Datuk Zainol bin Othman
(Sehingga 30 September 2011/
Until 30 September 2011)
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan,
Jabatan Perdana Menteri
*Senior Deputy Secretary-General,
Prime Minister's Department*



**Dato' Sri Haji Abu Kassim bin
Mohamed**
Ketua Pesuruhjaya,
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
Malaysia
*Chief Commissioner,
Malaysian Anti-Corruption Commission*



Datuk Othman bin Haji Mahmood
(Mulai 1 Oktober 2011/*Effective 1 October 2011*)
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan,
Jabatan Perdana Menteri
*Senior Deputy Secretary-General,
Prime Minister's Department*

JAWATANKUASA TETAP PENGADUAN AWAM

PERMANENT COMMITTEE ON PUBLIC COMPLAINTS

Sepanjang tahun 2011, JKTPA telah bersidang sebanyak 5 kali, iaitu 1 Mac, 6 April, 23 Jun, 29 September dan 24 November. Mesyuarat telah membincang dan menimbangkan 18 kertas kerja yang menyentuh pelbagai isu aduan yang menitikberatkan penghasilan kepada masyarakat umum khususnya, di samping menambah baik penyampaian perkhidmatan awam. Dalam konteks ini, isu-isu yang diketengahkan adalah lebih bersifat holistik dan memberi manfaat kepada banyak pihak. Sejak sidang pertama pada 6 Oktober 1984 sehingga 31 Disember 2011, JKTPA telah mengadakan mesyuarat sebanyak 94 kali dan menimbangkan 426 kertas kerja.

Senarai Kertas Kerja Yang Telah Dibentangkan Dalam Mesyuarat JKTPA Sepanjang Tahun 2011:

1. Cadangan Kawalan Pengiklanan Oleh Institusi Pengajian Tinggi Swasta;
2. Cadangan Mengatasi Masalah Kutipan Bayaran Balik Pinjaman Pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Daripada Peminjam Ingkar;
3. Inisiatif Penambahbaikan Pengendalian Repot Polis Bagi Kemalangan Jalan Raya;
4. Cadangan Menambah Baik Pengurusan Laporan Polis;
5. Cadangan Mengadakan Garis Panduan Penubuhan Taska Dan Tadika Di Kawasan Taman Perumahan;
6. Cadangan Penambahbaikan Pengurusan Bil Air;
7. Cadangan Penambahbaikan Pengurusan Aduan Di Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD);

For the year 2011, the PCPC sat in session 5 times, i.e. 1 March, 6 April, 23 June, 29 September and 24 November. The meetings discussed and considered 18 working papers that dealt with various complaints, emphasising issues that would particularly benefit the general public as well as improve the public service delivery system. In this regard, issues raised were more holistic in nature and beneficial to several parties. The PCPC has met 94 times and has considered 426 working papers since its first meeting on 6 October 1984.

List of Working Papers presented at the PCPC meetings in 2011:

1. *Proposal to Regulate Advertising by Private Institutes of Higher Education;*
2. *Proposal to Resolve the Collection Problem of Loan Repayment from Defaulting Borrowers of the National Higher Education Corporation Fund (PTPTN) Loans;*
3. *Initiative to Improve the Handling of Police Reports for Road Accidents;*
4. *Proposal to Improve the Management of Police Reports;*
5. *Proposal to Formulate Guidelines on the Establishment of Nurseries and Kindergartens in Residential Areas;*
6. *Proposal to Improve the Management of Water Utility Bills;*
7. *Proposal to Improve the Management of Complaints at The Public Land Transport Commission;*

**JAWATANKUASA TETAP PENGADUAN
AWAM**

8. Cadangan Penambahbaikan Perkhidmatan Sistem Transit Aliran Ringan (LRT);
9. Cadangan Penambahbaikan Penyelenggaraan Jalan Negeri;
10. Cadangan Menyediakan Kemudahan Perkhidmatan Perbankan Asas Di Rancangan FELDA Seluruh Negara;
11. Cadangan Mewujudkan Kemudahan Mengakses Status Perkahwinan Warganegara Bukan Islam Secara Atas Talian;
12. Cadangan Langkah Penjimatan Bayaran Bil Telefon Bimbit Pegawai Kerajaan Yang Ditanggung Oleh Kerajaan Melalui Kaedah E-Billing;
13. Cadangan Penambahbaikan Dalam Pengurusan Tandas Awam;
14. Cadangan Penambahbaikan Perkhidmatan KTMB Komuter;
15. Cadangan Menambahbaik Perkhidmatan TV Berbayar dan Isu Kenaikan Harga ASTRO;
16. Cadangan Mengadakan Garis Panduan Bagi Minggu Orientasi Sekolah-sekolah Berasrama;
17. Cadangan Penambahbaikan Pengurusan Pertubuhan Secara Atas Talian; dan
18. Cadangan Penambahbaikan Tatacara Tuntutan Perjalanan Bertugas Rasmi Di Dalam Negeri Melalui HRMIS.

**PERMANENT COMMITTEE ON
PUBLIC COMPLAINTS**

8. *Proposal to Improve the Services of the Light Rail Transit (LRT) System;*
9. *Proposal to Improve the Maintenance of State Roads;*
10. *Proposal to Provide Facilities for Basic Banking Services at FELDA Schemes Across the Country;*
11. *Proposal to Provide Online Access to Verify the Marital Status of Non-Muslim Citizens;*
12. *Proposal on Cost-Saving Measures for Civil Servants Whose Mobile Telephone Bills are Paid by the Government through E-Billing;*
13. *Proposal to Improve the Management of Public Toilets;*
14. *Proposal to Improve the Services of the KTMB Commuter;*
15. *Issue of ASTRO Price Increase and Proposal to Improve Paid Television Services;*
16. *Proposal to Formulate Guidelines on Orientation Week for Schools with Hostel Facilities;*
17. *Proposal to Improve the Online Management of Associations; and*
18. *Proposal to Improve the Procedures on Local Official Duty Travel Claims Through HRMIS.*

Cadangan Menyediakan Kemudahan Perkhidmatan Perbankan Asas Di Rancangan FELDA Seluruh Negara

Maybank akan memasang empat buah mesin ATM baru manakala Bank Simpanan Nasional (BSN) akan menandatangani MOU dengan FELDA untuk mengadakan 15 lokasi perintis urus niaga perbankan di rancangan FELDA.

Bank Negara Malaysia (BNM) telah menggariskan inisiatif-inisiatif berikut bagi merealisasikan hasrat menyediakan perkhidmatan perbankan asas di kawasan pedalaman khususnya Sabah, Sarawak dan Rancangan FELDA, iaitu:

1. Melalui perbankan agen (*agent banking*), institusi kewangan akan melantik agen masing-masing di kawasan pedalaman. Seperti mana yang dibentangkan dalam Bajet 2012, BSN akan melantik agen-agen di kawasan luar bandar di seluruh negara untuk menyediakan perkhidmatan perbankan meliputi transaksi simpanan, pengeluaran dan pembayaran bil. Pihak BSN akan melantik sejumlah 5,000 agen menjelang 2015 yang mana 1,500 daripadanya dilantik dalam tahun 2012.
2. BNM dengan kerjasama Malaysian Electronic Clearing Corporation (MyClear) akan menjalankan inisiatif perkhidmatan perbankan mudah alih (*mobile banking*) yang dibangunkan secara bersepadu dan boleh diguna pakai dengan semua jenis telefon bimbit. Bagi membolehkan pelanggan membuat pertanyaan baki akaun, pindahan wang dan pembayaran bil, inisiatif ini akan dijalankan secara *pilot* menjelang hujung tahun 2011.

Proposal to Provide Basic Banking Services at FELDA Schemes Across the Country

Maybank will install four new ATM teller machines while Bank Simpanan Nasional (BSN) will sign an MOU with FELDA to set up 15 pioneer banking facilities at chosen FELDA Schemes.

Bank Negara Malaysia (BNM) has drawn up the following initiatives to achieve the target of providing basic banking services in remote areas, particularly in Sabah, Sarawak and FELDA Schemes, such as:

1. *Financial institutions will appoint respective agents in remote areas and as stated in Budget 2012, BSN will appoint agents in the outskirts of the country to provide banking services, which include savings transactions, withdrawals and bill payments. BSN will appoint 5,000 agents by 2015 of which 1,500 will be appointed in 2012.*
2. *BNM, in cooperation with the Malaysian Electronic Clearing Corporation (MyClear) will start a comprehensive mobile banking initiative that can be used by all mobile phones. This initiative will have its pilot run by the end of 2011.*



CONTOH KEBERHASILAN KERTAS JKTPA

Cadangan Penambahbaikan Dalam Pengurusan Tandas Awam

Cadangan Garis Panduan Pengauditan dan Penggredan Tandas Awam telah dibentangkan dan diluluskan di peringkat Kementerian pada 6 Disember 2011. Pengauditan ke atas tandas yang terdapat di kementerian dan jabatan kerajaan di sekitar Putrajaya yang akan dilaksanakan pada Februari 2012. Pengauditan ini akan dilaksanakan secara bersama oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, MAMPU dan Perbadanan Putrajaya. Kertas kerja berkaitan Pengurusan Tandas-Tandas Di Sekolah-Sekolah akan dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa 3K di Kementerian Pelajaran Malaysia yang dijadualkan pada bulan Januari 2012. Manakala, satu mesyuarat bersama Kementerian Pelancongan dan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang mempunyai tempat-tempat pelancongan serta PBT yang mempunyai banyak premis makanan, akan diadakan pada bulan Januari 2012.

Cadangan Penambahbaikan Perkhidmatan KTMB Komuter

Dengan perolehan dan pembekalan secara berperingkat 38 set tren enam koc baharu, kekerapan komuter dapat ditingkatkan daripada setiap 30 minit kepada 10 minit di waktu puncak pada bulan Jun 2012. KTM Komuter telah mengintegrasikan sistem tiket dengan sistem *Touch N Go* sejak tahun 2005 dan peta jaringan bersepadu di Lembah Klang telah dipamerkan di stesen-stesen komuter. Ia sebagai panduan untuk *transfer* antara dua laluan KTM Komuter. Bagi kebersihan stesen, kontrak kerja-kerja pembersihan akan diperluaskan. Sistem *Digital Crowd Management* mempamerkan situasi semasa dan status penumpang di platform di KL Sentral. Twitter@ktmkomuter diwujudkan bagi mengemaskini status dan lokasi tren secara terus kepada pengguna.

EXAMPLES OF OUTCOMES OF PAPERS PRESENTED AT PCPC

Proposal to Improve the Management of Public Toilets

The proposed guidelines for audit and grading of public toilets was presented and passed at Ministry's level on 6 December 2011. The audit on toilets at government ministries and departments in the vicinity of Putrajaya will be carried out in February 2012. This will be conducted jointly with the Ministry of Housing and Local Government, MAMPU and Putrajaya Holdings. The working paper on the Management of School Toilets will be presented to the 3K Committee meeting at the Ministry of Education in January 2012. A meeting with the Ministry of Tourism and local authorities that have tourist attractions and those that have many food outlets will be held in January 2012 as well.

Proposal to Improve the Services of the KTMB Commuter

With the 38 sets of 6-coach trains that have been newly acquired and outfitted in stages, the frequency of the commuter trains will be increased from every 30 minutes to every 10 minutes during peak times effective from June 2012. The KTM Commuter has integrated the ticket system with the Touch N Go since 2005 and the integrated network maps are displayed at all commuter stations. This serves as a guide when commuters need to transfer between two KTM Commuter routes. With regard to cleanliness, the scope of the cleaning contract will be expanded. The Digital Crowd Management System displays the real-time situation and status of commuters at the platform in KL Sentral. Twitter@ktmkomuter was created to directly update users of the status and location of trains.

CONTOH KEBERHASILAN KERTAS JKTPA

EXAMPLES OF OUTCOMES OF PAPERS PRESENTED AT PCPC

Cadangan Menambahbaik Perkhidmatan TV Berbayar dan Isu Kenaikan Harga ASTRO

Astro telah memperkenalkan satu saluran iaitu *Baby TV* yang ditawarkan secara *ala carte* di mana pelanggan boleh memilih untuk melanggan saluran ini dengan kadar RM5 sebulan sebagai tambahan langganan. Dari aspek kos, caj langganan bagi tawaran secara *ala carte* ini adalah lebih mahal sekiranya dibandingkan dengan caj pakej sedia ada yang mengandungi beberapa saluran.

Mesyuarat Anggota Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah memutuskan supaya Jawatankuasa Khas Suruhanjaya ditubuhkan bertujuan membuat penilaian ke atas pematuhan Syarikat Measat Broadcast Network Systems berhubung dengan perubahan kadar pakej ASTRO di bawah Seksyen 198 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Jawatankuasa ini dikehendaki mengemukakan perakuan serta syor kepada Mesyuarat Anggota Suruhanjaya.

Semenjak penubuhannya pada 19 Januari 2012, sebanyak 5 pertemuan telah diadakan dengan pelbagai pihak termasuk ASTRO. Satu mesyuarat telah dijadualkan pada akhir atau awal April 2012 dan hasil kajian penilaian perubahan kadar pakej ASTRO beserta syor akan dibentangkan dan diputuskan penyelesaiannya.

Inisiatif Penambahbaikan Pengendalian Repot Polis Bagi Kemalangan Jalan Raya

MAMPU dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah mengenal pasti keperluan dan pendekatan kerjasama dalam membangunkan modul e-reporting dan integrasi dengan Police Reporting System (PRS) bagi mewujudkan kemudahan membuat laporan polis secara online. Buat masa ini, pembangunan *prototype* modul e-Reporting dan integrasi dengan PRS bagi mewujudkan kemudahan membuat laporan polis secara online telah dibangunkan.

Issue of ASTRO Price Increase and Proposal to Improve Paid Television Services;

ASTRO has introduced a channel called Baby TV that is offered as an ala carte item where customers can access this channel at an additional cost of RM5 a month to their existing subscription. This additional cost, is relatively more expensive than the charge for the existing package which delivers numerous channels.

A meeting of the Malaysian Communication and Multimedia Commissioners have decided that a Special Committee be established aimed at making a compliance assessment on Measat Broadcast Network Systems with regard to the change in rates for ASTRO packages under Section 198 of the Communications and Multimedia Act 1998. This Committee is expected to present their findings at the Commissioners Meeting.

Since its establishment on 19 January 2012, a total of 5 consultations have been held with various parties including ASTRO. A meeting has been scheduled for early or end of April 2012 and the results of the assessment will be tabled and a decision made to resolve the issue.

Initiative to Improve the Handling of Police Reports for Road Accidents

MAMPU and the Royal Malaysia Police (RMP) have identified the need for cooperation in developing an e-reporting module and to integrate it with the Police Reporting System (PRS) to enable online police report. Currently, an e-Reporting prototype module, integrated with PRS, is being developed to provide this facility.

CONTOH KEBERHASILAN KERTAS JKTPA

Cadangan Penambahbaikan Perkhidmatan Sistem Transit Aliran Ringan (LRT)

Isu yang kerap dihadapi orang ramai adalah kelewatan tren atau ketepatan waktu, urusan tiket, sikap warga kerja serta pelbagai kemudahan untuk orang kurang upaya, warga emas dan para pelajar. Syarikat Prasarana Negara Berhad telah mewujudkan jawatan Ketua Stesen bagi memantapkan pengurusan stesen LRT dengan fokus penambahbaikan kepada Khidmat Pelanggan dan kemudahan yang terdapat di stesen. Ketua Stesen turut dibantu oleh juruteknik-juruteknik terlatih. Pelbagai saluran disediakan bagi menyalurkan informasi dan menerima aduan atau cadangan dari pelanggan. Semua aduan yang diterima diambil tindakan segera.

Cadangan Mengatasi Masalah Kutipan Bayaran Balik Pinjaman Pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Daripada Peminjam Ingkar

PTPTN menghadapi masalah kutipan bayaran balik pinjaman pendidikan daripada Peminjam Ingkar. Menurut Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009, PTPTN dijangka akan mengalami defisit aliran tunai berjumlah RM45.89 bilion sehingga RMK-11. BPA telah mencadangkan taklimat berkenaan tanggungjawab pembayaran balik pinjaman PTPTN kepada para peminjam di tahun terakhir pengajian di IPTA/IPTS. Ini bertujuan untuk mengingatkan para pelajar terhadap tanggungjawab membayar balik pinjaman PTPTN. Ianya telah mula dilaksanakan pada semester September 2011. Berhubung dengan cadangan BPA mengenai potongan gaji seperempat konsep potongan gaji bagi caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Lembaga Hasil Dalam Negeri, PTPTN juga telah mengadakan perbincangan dengan beberapa kementerian dan agensi kerajaan seperti Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara dan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Tujuannya bagi mewujudkan satu kaedah untuk memudahkan peminjam menjelaskan bayaran PTPTN.

EXAMPLES OF OUTCOMES OF PAPERS PRESENTED AT PCPC

Proposal to Improve the Services of the Light Rail Transit (LRT) System

Issues that are frequently raised include delayed trains or punctuality, ticketing, the attitude of the workers as well as the various facilities for the disabled, senior citizens and students. The Syarikat Prasarana Negara Berhad has created a Station Master position to improve the management of the LRT stations with a focus on improving Customer Service and facilities available at the station. The Station Master will be assisted by trained and skilled technicians. There are various avenues available to channel information and receive suggestions or complaints from customers and all complaints will be promptly attended to.

Proposal to Resolve the Collection Problem of Loan Repayment from Defaulting Borrowers of the National Higher Education Corporation Fund (PTPTN) Loans

PTPTN is facing a problem collecting repayment of loans given out, as borrowers have defaulted in payments. According to the Auditor-General's Report 2009, PTPTN is expected to experience a cash flow deficit of RM45.89 billion until 11th Malaysia Plan (RMK-11). PCB proposed that a briefing on the responsibility of paying back the PTPTN loan for the borrowers in the final year of study at Public/Private Institutes of Higher Education (IPTA/IPTS). This is to remind students of their responsibility, morally and legally to repay the loan amount. This briefing began in the September 2011 semester. With regard to PCB's proposal that the borrower's salary be deducted, a concept similar to the Employees Provident Fund (EPF) and Inland Revenue Board (IRB) deductions, PTPTN has held discussions with several ministries and government agencies such as the Ministry of Finance, the Attorney General's Chambers and Inland Revenue Board, to come up with a method that will help borrowers to clear their PTPTN loan.

CONTOH KEBERHASILAN KERTAS JKTPA

Cadangan Penambahbaikan Pengurusan Aduan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)

Ekspektasi rakyat kepada agensi awam semakin meningkat sejak dengan peredaran masa di mana mereka tidak mudah berpuas hati dengan perkhidmatan yang diterima. Rakyat akan membuat aduan apabila tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan. Walaupun SPAD menyediakan talian bebas tol 1-800-889-600 (24 jam), SMS 15888, email aduan@lpkp.gov.my atau aduan@spad.gov.my, surat, faks di talian 03-8880 5621 dan melalui kaunter SPAD di setiap wilayah, aduan yang diterima hanya direkodkan secara manual. Sebagai langkah penambahbaikan, SPAD telah menggunakan i-SPAAA mulai Oktober 2011 seperti dicadangkan oleh BPA dalam pengurusan aduan. SOP baru telah dibangunkan khusus untuk penguatkuasaan dan dilaksanakan mulai 11 Julai 2011.

Cadangan Mengadakan Garis Panduan Penubuhan Taska Dan Tadika Di Kawasan Taman Perumahan

Aduan berkaitan dengan penubuhan dan operasi taska dan tadika di kawasan-kawasan perumahan dan di lokasi yang sama semakin bertambah. Keadaan ini berlaku kerana tiadanya satu garis panduan yang boleh dipatuhi oleh pihak berkuasa tempatan dalam mengeluarkan lesen dan memberi kebenaran premis diguna sebagai taska atau tadika. Berdasarkan cadangan BPA, garis panduan telah disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 9 Disember 2011.

EXAMPLES OF OUTCOMES OF PAPERS PRESENTED AT PCPC

Proposal to Improve the Management of Complaints at the Land Public Transport Commission (SPAD)

The public service delivery must meet the expectations of a more discerning and demanding citizens. With globalisation and technological advancements, the citizens expect the best delivery system and will complain if they are not satisfied with the services provided. While SPAD has a Toll-free line 1-800-889-600 (24 hours), SMS 15888, email: aduan@lpkp.gov.my or aduan@spad.gov.my, fax line 03-88805621 and over the counter at every region, complaints are recorded manually. As an improvement initiative, SPAD has begun using i-SPAAA from October 2011 as proposed by PCB in the management of complaints. New Standard Operating Procedure (SOP) have been formulated particularly for enforcement and were implemented beginning 11 July 2011.


A Proposal to Formulate Guidelines on the Establishment of Nurseries and Kindergartens in Residential Areas

Many issues of this nature are linked to the fact that agencies have acted in such a manner as to neglect the importance and rights of the complainant. Besides this, there are instances when the complainant does not have the accurate information regarding a particular procedure resulting in them perceiving that the agency has been unfair. Among the issues that have risen are:

- Traffic offence summonses;
- Staff who are ill but are not qualified for Invalidity Pension;
- Complainants who are not satisfied with the increase in ASTRO's subscription fee; and
- Abuses by employers with regard to termination of work, payment of salaries and overtime allowances.



KATEGORI ADUAN

COMPLAINTS CATEGORY

Kegagalan Penguatkuasaan

Isu-isu berkaitan kegagalan penguatkuasaan pula sering dibangkitkan kerana kurangnya penekanan oleh agensi kepada tindakan mengikut peraturan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Di samping itu, terdapat kes penguatkuasaan hanya dilaksanakan setelah aduan dibangkitkan dan langkah pencegahan juga tidak diambil bagi memastikan ruang kelemahan tersebut ditambahbaik. Contoh isu aduan dalam kategori kegagalan penguatkuasaan adalah seperti berikut:

- Kekerapan rondaan di kawasan-kawasan tertentu;
- Kawalan terhadap kebanjiran warga asing yang masuk ke Malaysia tanpa dokumen yang sah;
- Kawalan terhadap penyalahgunaan kediaman yang diubahsuai menjadi premis perniagaan;
- Pencemaran alam sekitar melibatkan kilang-kilang;
- Tindakan terhadap pemandu yang meletak kenderaan di kawasan larangan; dan
- Pemantauan terhadap perniagaan tanpa lesen yang sah.

Agensi telah mengambil pelbagai langkah serta pendekatan bagi mengatasi masalah yang berkaitan penguatkuasaan, antara contohnya ialah:

- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenakan tindakan tegas terhadap kesalahan merokok di kawasan larangan merokok; dan
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan membuka bilik gerakan dalam menangani masalah bekalan minyak yang tidak mencukupi di pasaran.

Failure of Enforcement

Issues regarding failure of enforcement frequently arises due to lack of emphasis by agencies to take action according to existing laws and regulations. In addition, there are cases where enforcement is only done after a complaint has been lodged and preventive measures are not taken to address this inadequacy or weakness. Example of issues under this category are as follows:

- Frequency of patrols in certain areas;
- Controlling the influx of foreign citizens into Malaysia without valid documents;
- Misuse of residential premise for running businesses;
- Environmental pollution by factories;
- Action against drivers who park their vehicles in unauthorised places; and
- Monitoring of businesses without valid licences.

Agencies have taken various measures and approaches to overcome issues related to enforcement such as:

- The Ministry of Health has imposed stern action against smoking in non-smoking areas; and
- The Ministry of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism has an operation room to handle problems such as availability of cooking oil in the market.

KATEGORI ADUAN

COMPLAINTS CATEGORY

Kekurangan Kemudahan Awam

Memandangkan kemudahan awam merupakan keperluan asas bagi rakyat walau di mana pun mereka berada, aduan-aduan berkaitan kategori ini seringkali diungkit oleh rakyat. Di bawah kategori ini, BPA kerap menerima aduan terutamanya mengenai kemudahan infrastruktur seperti pembinaan jalan, lampu jalan, parit dan juga papan tanda.

Antara contoh tindakan pencegahan yang telah atau akan agensi laksanakan adalah seperti memohon peruntukan tambahan dan merencanakan permohonan dalam tahun berikutnya serta pelaksanaan permohonan kemudahan awam setelah dibuat penelitian lanjut.

Lack of Public Amenities

In view of the fact that public amenities is part of the basic needs of citizens regardless where they are located, complaints under this category are frequently raised by the citizens. PCB often receives complaints particularly related to infrastructure such as roads, street lightings, drainage and road signages.

Some examples of preventive actions taken or will be implemented by the agencies include seeking additional budget allocation, planning for allocation proposals in the following year and the application for public amenities after detailed study.



SEKTOR ADUAN

COMPLAINTS SECTOR

Jumlah Aduan Mengikut Sektor Bagi Tahun 2011
Number of Complaints by Sector in 2011

Bil. No.	Sektor Sector	Jumlah Aduan Number of Complaints				Jumlah Aduan Total Complaints (%)
		Kementerian Ministry	(%)	Negeri State	(%)	
1.	Perkhidmatan <i>Services</i>	2,858	34.3	479	9.5	3,337 (25.0%)
2.	Kemudahan Awam <i>Public Amenities</i>	1,208	14.5	1,251	24.8	2,459 (18.4%)
3.	Pihak Berkuasa Tempatan <i>Local Authority</i>	406	4.9	1,776	35.3	2,182 (16.3%)
4.	Keselamatan <i>Security</i>	586	7.0	121	2.4	707 (5.3%)
5.	Kebajikan <i>Welfare</i>	487	5.9	212	4.2	699 (5.2%)
6.	Kewangan <i>Finance</i>	612	7.4	49	1.0	661 (4.9%)
7.	Alam Sekitar <i>Environment</i>	325	3.9	301	6.0	626 (4.7%)
8.	Lain-Lain <i>Others</i>	369	4.4	181	3.6	550 (4.1%)
9.	Pendidikan <i>Education</i>	474	5.7	14	0.3	488 (3.7%)
10.	Perumahan <i>Housing</i>	187	2.2	218	4.3	405 (3.0%)
11.	Kesihatan <i>Health</i>	376	4.5	26	0.5	402 (3.0%)
12.	Tanah <i>Land</i>	54	0.6	320	6.4	374 (2.8%)
13.	Perundangan <i>Law</i>	165	2.0	33	0.7	198 (1.5%)
14.	Kerakyatan <i>Citizenship</i>	130	1.6	35	0.7	165 (1.2%)
15.	Pertanian <i>Agriculture</i>	76	0.9	19	0.4	95 (0.7%)
16.	Luar Negara <i>Foreign Affairs</i>	8	0.1	0	0.0	8 (0.1%)
Jumlah Total		8,321	100	5,035	100	13,356

CONTOH KES

Kes 89173: Lalu Lintas Trafik Yang Sesak Dan Kelam Kabut Di Bandar Bentong

Pada 14 Disember 2011, BPA Pahang telah menerima satu aduan berkenaan kesesakan jalan raya yang agak serius di kawasan Bandar Bentong terutama pada setiap hari Ahad atau cuti umum. Setelah banyak kali mengalami keadaan ini, beliau mendapati bahawa perkara ini berlaku adalah disebabkan oleh tempat meletak kereta yang tidak cukup dan pemandu yang tidak bertanggungjawab telah *double parking* atau memakir kereta di tempat yang tidak sesuai.

Sehubungan dengan itu, BPA telah memanjangkan aduan pengadu ini kepada Majlis Perbandaran Bentong (MPB) dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD) Bentong untuk perhatian dan tindakan selanjutnya. Susulan daripada aduan yang diterima daripada BPA, pihak IPPD Bentong memaklumkan bahawa pihaknya telah mengambil tindakan saman berdasarkan Akta Pengangkutan Jalan. Pihak IPPD Bentong juga telah membuat tindakan pembetulan dengan menjadikan jalan dari satu lorong kepada dua lorong ketika kesesakan berlaku di Bandar Bentong. Selain itu, pihak Majlis Perbandaran Bentong (MPB) pula memaklumkan bahawa pihaknya telah melaksanakan program/projek ubahsuai Tempat Letak Kereta di sekitar pusat bandar Bentong yang melibatkan Jalan Loke Yew dan Jalan Ah Peng serta kawasan berhampiran dan menghasilkan penambahan lot tempat letak kereta sebanyak 40 unit (keseluruhan terkini 1350 lot). Pihak MPB juga mendapati bahawa pengguna tidak meletakkan kenderaan mereka di kawasan lot tempat letak kereta berhampiran Pejabat TNB yang berdekatan Pusat Bandar Bentong. Namun begitu, tindakan pemeriksaan telah dilakukan oleh Unit Pengawalaan bagi memastikan pemilik kenderaan tidak menghalang lalulintas dengan melakukan *double parking* di laluan utama bandar Bentong. Berdasarkan maklum balas tersebut, didapati pihak IPD Bentong dan MPB telah menjalankan tanggungjawab mereka mengikut undang-undang yang berkuatkuasa namun begitu sikap pengguna jalanraya yang menyebabkan lalu lintas menjadi sesak dan kelam-kabut di Bandar Bentong.

EXAMPLE OF CASES

Case 89173: Heavy and Congested Traffic in Bentong Township

On 14 December 2011, PCB received a complaint about the congested traffic situation in Bentong town, particularly on Sundays and public holidays. After repeatedly facing this situation, the complainant claims it is the result of insufficient parking lots and irresponsible drivers double park or park indiscriminately.

PCB forwarded this complaint to the Bentong Municipal Council (BMC) and Bentong District Police Headquarters (BDPH) for their attention and action. In response, the BDPH issued summonses in line with the Road Transport Act. BDPH have also taken some corrective measures by converting the one lane road to a two-lane road during traffic congestion. The BMC has started a project to renovate the parking lots around Bentong Town, involving Jalan Loke Yew and Jalan Ah Peng and surrounding areas. In addition, BMC has also increased the number of parking lots by 40 making a total of 1350. BMC also noted that the parking area near the TNB office which is adjacent to the township is not used. Nonetheless, the Enforcement Unit of BMC inspected to ensure that car owners were not double parking and obstructing the flow of traffic along the main thoroughfare of Bentong town. This feedback indicates that the BDPH and BMC authorities have adhered to the prevailing laws and regulations and acted accordingly. It cannot be denied, therefore that it is the attitude of the road users that is causing the traffic congestion in Bentong town.

CONTOH KES

EXAMPLE OF CASES

Kes 89635: Kes Kecurian Berleluasa Di Jengka 13

Pada 23 Disember 2011, BPA Pahang telah menerima aduan mengenai kes kecurian yang banyak berlaku di Jengka 13, Pahang dan yang terbaru merupakan kes kecurian kabel telefon. Kecurian disyaki perbuatan penagih dadah adalah semakin meningkat di Jengka 13. Pihak IPD Maran telah mengemukakan laporan siasatan mengenai kecurian kabel telefon di mana hasil semakan yang dibuat bagi tempoh 21 Disember 2011 sehingga 25 Disember 2011 mendapati tidak terdapat sebarang laporan polis dibuat oleh mana-mana individu mahupun Syarikat Telekomunikasi berkaitan perkara ini. Walau bagaimanapun, sebagai langkah pencegahan bagi mengekang kes ini terus berlaku, beberapa tindakan telah dirangka oleh pihak IPD seperti berikut:

1. Rondaan oleh kereta peronda Balai Polis Bandar Tun Abdul Razak Jengka dibuat 4 kali seminggu mulai jam 1 hingga 5 pagi. Manakala rondaan oleh kereta peronda IPD Maran dibuat setiap hari siang dan malam;
2. Pasukan Kawalan Kampung yang terdiri daripada anggota RELA telah menjalankan kawalan di jalan masuk utama dan rondaan mulai 2 Disember 2011 dari jam 10 malam hingga 5 pagi setiap hari;
3. Cawangan Narkotik akan membuat operasi berkala; dan
4. Bekerjasama dengan Polis Bantuan FELDA dalam pencegahan jenayah.

Sebelum/Before



Case 89635 : Widespread Theft in Jengka 13

On 23 December 2011, PCB Pahang received a complaint about the rampant theft incidents in Jengka 13, Pahang, the latest being the theft of telephone cables. It is suspected that this is the result of the increased number of drug addicts in Jengka 13. The Maran District Police Headquarters (MDPH) initiated an investigation report regarding cable thefts where a check revealed that during the period of 21 December 2011 to 25 December 2011, there was no police report made by either individuals or any telecommunication company.

However, as a precautionary and preventive measure to curb such occurrences, the MDPH initiated the following actions:

1. The Bandar Tun Abdul Razak Police will patrol four times a week from 1am to 5am, while the MDPH will patrol daily in the morning and at night times;
2. The Village Security Team that consists of RELA members conducted control checks along the main entry and started patrols from 2 December 2011 from 10 pm to 5 am daily;
3. The Narcotics Division will conduct regular raids; and
4. Cooperation with the FELDA Auxiliary Police to curb crime.

Selepas/After



CONTOH KES

EXAMPLE OF CASES

Kes 86916: Bayaran Bonus Kakitangan Awam Tidak Diterima

BPA Sabah pada 27 Oktober 2011 telah menerima aduan berhubung bayaran bonus kakitangan awam yang tidak diterima oleh pengadu. Pengadu memaklumkan telah bersara sebagai guru DGA29 di SK Narinang, Kota Belud pada 18 Ogos 2011. Pengadu ingin menuntut bonus setengah bulan gaji yang dibayar kepada kakitangan awam pada bulan Ogos 2011. Pengadu memaklumkan telah bertanyakan perkara tersebut kepada pihak sekolah berkenaan tetapi beliau diminta untuk merujuk ke Jabatan Pelajaran Negeri Sabah.

BPA Sabah telah mengemukakan aduan pengadu kepada Jabatan Pelajaran Negeri Sabah (JPNS) pada 28 Oktober 2011 dan menurut hasil siasatan yang diterima pada 14 Disember 2011, pihak JPNS memaklumkan bahawa urusan pembayaran bonus bagi anggota yang sudah bersara bukan di bawah kendalian JPNS tetapi diuruskan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, Bahagian Pasca Perkhidmatan. Walau bagaimanapun, pihak JPNS telah membuat siasatan dan dimaklumkan bahawa bonus yang dituntut pengadu telah diterima pada bulan Disember 2011. Dalam pada itu, pengadu juga telah dinasihatkan untuk berhubung terus dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pencen) sekiranya terdapat sebarang masalah mengenai pembayaran pencen bulanan atau bayaran bonus.

Case 86916: Bonus Payments Not Received by Civil Servant

PCB Sabah on 27 October 2011 received a complaint regarding bonus payment declared for public servants that was not received by the complainant. The complainant retired as a teacher under Grade DGA29 at SK Naring, Kota Belud on 18 August 2011. The complainant wants to claim for half month bonus that was paid to all civil servants in August 2011. The complainant has brought this matter up to the school but was told to refer to the Sabah Education Department.

PCB Sabah forwarded this complaint to the Sabah Education Department (SED) on 28 October 2011 and according to the results of the investigation received on 14 December 2011, SED has stated that all bonus payment matters for retirees is not under its administration but under the Public Services Department (PSD). Nevertheless, SED carried out checks and it is understood that the bonus being claimed had been received in December 2011. The complainant has been advised to deal directly with the PSD (Pensions Division) in the event of any issues related to payment of pensions or bonuses.

CONTOH KES

Kes 87598: Pemandu Jabatan Kesihatan Memandu Secara Berbahaya

Aduan diterima daripada pengadu pada 10 November 2011 mengenai pemandu kenderaan jabatan yang memandu secara berbahaya. Menurut pengadu sewaktu beliau memandu menuju Pekan Jasin, tiba-tiba sebuah van milik Pejabat Kesihatan Daerah Jasin dari arah bertentangan membuat pusingan U di perhentian lampu isyarat. Sepatutnya van itu berhenti kerana lampu merah. Pihak Pejabat Kesihatan Daerah Jasin telah memberi maklum balas bahawa mereka telah menjalankan siasatan dan mendapati aduan yang dikemukakan adalah berasas. Pemandu van berkenaan telah mengakui bahawa beliau telah melakukan perkara berkenaan dan berjanji tidak akan melakukan perkara tersebut lagi. Pemandu berkenaan telah diberi teguran, nasihat dan amaran supaya tidak mengulangi perbuatan yang sama pada masa hadapan dan mengamalkan pemanduan berhemah. Penyelia akan memantau semua pemandu bagi memastikan mereka mengamalkan pemanduan secara berhemah.

Kes 88135: Warga Thailand Berniaga Tanpa Permit

Pengadu mendakwa terdapat peniaga warga Thailand mengusahakan restoran berhampiran Kolej Islam Sains Teknologi, Bachok. Pengusaha restoran dan tukang masak merupakan warga Thailand dan didapati peniaga tersebut bermiaga tanpa permit. BPA Terengganu/Kelantan telah menghantar surat kepada Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Kelantan (JIM) pada 21 November 2011 berhubung aduan ini. Pihak JIM telah memberi maklumbalas bahawa Bahagian Pengukuasa JIM telah menjalankan operasi pada 22 November 2011 dan berjaya menahan dua warga Thailand kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen.

EXAMPLE OF CASES

Case 87598: Ministry of Health Driver Being Reckless

A complaint was received on 10 November 2011 stating that the driver of a vehicle belonging to the Health Department was driving recklessly. According to the complainant, while he was on his way to Pekan Jasin, a van belonging to the Jasin District Health Department (JDHD), which was on the opposite direction made a U-turn at the traffic lights where he should have stopped as the lights were red.

JDHD responded saying they had investigated and admitted that the complaint was valid. The van driver admitted to the claim and has assured that such an incident will not recur. The driver was reprimanded and given a stern warning to not repeat this in future and to practise safe driving.

Case 88135: A Thai National Having a Business Without a Permit

The complainant claimed that a Thai businessman was running a restaurant near Science and Technology Islamic College in Bachok. The businessman and cook were Thailand citizens and were operating the business without a permit. PCB Terengganu/Kelantan sent a letter to the Kelantan Immigration Department (KID) on 21 November 2011 regarding this and the response was that the Enforcement Division of KID had conducted a raid on 22 November 2011 and had successfully apprehended two Thai nationals for offence under the Immigration Act.

CONTOH KES

Kes 86766: Notis Tuntutan Baki Bayaran Rumah

Pengadu telah menerima tawaran pembelian sebuah rumah di Langkawi daripada pihak Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) pada 19 Ogos 2008. Urusan jual beli rumah telah dibuat melalui peguam yang dilantik oleh pihak LADA. Perjanjian jual beli ditandatangani pada 28 Januari 2009 dan diikuti dengan pembayaran wang pendahuluan sebanyak 10% secara tunai dari harga rumah tersebut. Pengadu telah membuat pinjaman perumahan melalui RHB Bank Berhad, Langkawi bagi penyelesaian penuh sebanyak RM70,200 dan dibayar penuh kepada pihak LADA pada 3 April 2009. Pengadu telah menduduki rumah tersebut pada Julai 2009. Walau bagaimanapun, pada 22 Oktober 2011 pengadu telah menerima notis atau surat tuntutan daripada pihak LADA meminta beliau menjelaskan baki bayaran rumah tersebut sebanyak RM70,200 sebelum 30 Oktober 2011. Mengikut notis tersebut, pihak LADA akan mengambil tindakan undang-undang untuk mendapatkan milikan kosong beserta baki hutang yang masih belum dibayar dan segala kos yang timbul akan ditanggung oleh pengadu. Pengadu amat terkejut dan tertekan apabila menerima notis tersebut sedangkan urusan telah selesai sejak 2 tahun lepas.

BPA telah memanjangkan aduan ini kepada pihak LADA pada 27 Oktober 2011. Pengurusan LADA telah membuat semakan semula dengan pihak peguam LADA serta dengan pihak RHB Bank dan mendapati aduan pengadu adalah berasas. Terdapat kesilapan di pihak LADA. Walau bagaimanapun LADA telah mengemaskini rekod dan pembeli ini telah dikelaskan kepada kategori bayaran yang telah dijelaskan. Pengadu mengucapkan terima kasih kepada BPA atas tindakan penyelesaian tersebut.

EXAMPLE OF CASES

Case 86766: Notice of Claim for Remaining Balance of House Payment

The complainant was offered to buy a house in Langkawi from the Langkawi Development Board (LDB) on 19 August 2008. The sales and purchase dealings were done through the lawyer appointed by LDB. The sales and purchase agreement was signed on 28 January 2009 and an advance of 10% of the purchase price was paid. The complainant arranged for the housing loan through RHB Bank Berhad Langkawi and a full and complete settlement of RM70,200 was made to LDB on 3 April 2009. The complainant occupied the house in July 2009. On 22 October 2011, the complainant received a notice of claim from LDB requesting him to pay the remainder of RM70,200 before 30 October 2011. According to the notice, LDB would take legal action to get vacant possession and the complainant would be liable to make the balance payment and all costs incurred would have to be borne by him. The complainant was shocked and stressed up to receive the said notice since all matters had been settled two years ago.

PCB forwarded this complaint to LDB on 27 October 2011. Upon checking with the lawyer and RHB Bank, LDB admitted that the complaint was valid and that an error had occurred. LDB updated its records and the buyer was categorised under payment fully settled. The complainant thanked PCB for its prompt action to resolve the issue.

MAKLUM BALAS PELANGGAN

CUSTOMERS' FEEDBACK

Maklum Balas Pelanggan


Maklum Balas pelanggan merupakan matlamat utama setiap perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat dan diterjemahkan dalam bentuk aduan, cadangan, kritikan, keluhan dan penghargaan. Ia adalah cerminan kepada mutu perkhidmatan yang diterima oleh rakyat dan wajar dipandang serius oleh semua agensi awam demi menambahbaik perkhidmatan.

Dalam konteks pengurusan aduan, tindakan susulan terhadap komen dan cadangan yang dikemukakan oleh pelanggan perlu diambilberat dan mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan pengurusan aduan awam ditambah baik secara berterusan. Kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh unit yang bertanggungjawab menguruskan aduan adalah sangat mustahak dan perlu diperkemasukan terlebih dahulu bagi menjamin keberkesanan pengurusan aduan diagensi secara keseluruhan. Bagi BPA, antara angkubah yang ditetapkan di dalam Borang Maklum Balas Pelanggan adalah dari segi kecekapan menyelesaikan aduan, tempoh masa pengendalian aduan, kesediaan pegawai membantu serta kualiti perkhidmatan keseluruhan.

Customer Feedback

Customer feedback is significant for any organisation providing services to the people. Feedback can be in the form of complaints, suggestions, criticisms and appreciation. It mirrors the quality of service that the people receives and must be viewed seriously by all public agencies to improve the public service.

With regard to complaints management, the follow-up to comments and suggestions forwarded by customers must be given serious consideration and appropriate action be taken to ensure continuous improvement in complaints management. The quality of service given by the unit responsible for managing the complaint is very important and must be put in order well in advance to assure the overall effectiveness of the complaints management. Among the factors stated in the Customer Feedback Form, are the efficiency in resolving complaints, complaints turnaround time, the willingness and preparedness of the officer as well as the overall quality of the service.



MAKLUM BALAS PELANGGAN

CUSTOMERS' FEEDBACK

Sebanyak 13,356 borang maklum pelanggan diedarkan kepada pengadu yang aduan mereka telah berjaya diselesaikan. Sebanyak 1,271 (9.5%) Borang Maklum Balas telah dikembalikan. Secara keseluruhannya tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan BPA pada tahun 2011 adalah Cemerlang (53.4%), Baik (30.8%), Sederhana (8.0%) dan Lemah (7.8%).

A total of 13,356 customer feedback forms were distributed to complainants following resolution of their complaints. Out of this, 1,271 (9.5%) feedback forms were returned to PCB. The overall Customer Satisfaction Index (CSI) was Excellent (53.4%); Good (30.8%); Fair (8.0%) and Weak (7.8%).

**Tahap Kepuasan Pelanggan BPA Bagi Tahun 2011
PCB Customer Satisfaction in Year 2011**



Mulai April 2010, BPA telah mempermudahkan borang maklum balas pelanggan untuk diedarkan kepada pengadu yang aduan mereka telah diselesaikan. Secara keseluruhannya, tahap kepuasan Borang Maklum Balas Pelanggan dengan merangkumkan 10 soalan yang terdapat dalam borang asal kepada 4 soalan sahaja. Ianya bagi memudahkan dan menggalakkan pelanggan untuk memberi maklum balas dengan lebih terbuka dan ikhlas demi menambahbaik pengurusan aduan di BPA.

From April 2010, PCB has simplified the customer feedback form by summarising the 10 questions in the previous form into 4 questions. This is to facilitate and encourage customers to respond in a more open and sincere way to improve the management of complaints at PCB.

**Tahap Kepuasan Pelanggan BPA Bagi Tahun 2011
PCB Customer Satisfaction in Year 2011**

Soalan Question	Tahap Kepuasan Satisfaction Level			
	Cemerlang Excellent	Baik Good	Sederhana Fair	Lemah Weak
Kecekapan menyelesaikan aduan <i>Efficiency of solving complaints</i>	54.6%	27.1%	7.3%	11.0%
Tempoh mengendalikan aduan <i>Duration in handling complaints</i>	51.8%	33.0%	9.1%	6.1%
Kesediaan pegawai membantu <i>Availability of officer to assist</i>	55.4%	31.0%	7.0%	6.6%
Kualiti perkhidmatan keseluruhan <i>Overall quality of service</i>	52.2%	31.0%	9.0%	7.8%
Purata Average	53.5%	30.5%	8.1%	7.9%

MAKLUM BALAS PELANGGAN

CUSTOMERS' FEEDBACK

Namun, format Borang Kepuasan Pelanggan yang lama masih lagi diterima dari pelanggan dan maklumat berkenaan turut diambil kira untuk tujuan analisis dan pelaporan. Terdapat sepuluh angkubah di dalam borang tersebut meliputi aspek ketepatan waktu, kualiti layanan, maklum balas status kes serta kualiti perkhidmatan keseluruhan. Maklumat lengkap adalah seperti di bawah:

Nevertheless, the previous Customer Satisfaction Form is still accepted and the relevant information is taken into account for the purposes of analysis and reporting. There are ten factors in the said form that cover aspects such as promptness, quality of customer service, feedback on case status as well as overall service quality. Complete information is as follows:

Tahap Kepuasan Pelanggan BPA Bagi Tahun 2011 (Format Borang Lama)
PCB Customer Satisfaction in Year 2011 (Previous Form Format)

Soalan <i>Question</i>	Tahap Kepuasan <i>Satisfaction Level (%)</i>			
	Cemerlang <i>Excellent</i>	Baik <i>Good</i>	Sederhana <i>Fair</i>	Lemah <i>Weak</i>
Ketepatan masa dilayani <i>Attended to promptly</i>	41.7%	58.3%	0	0
Kesopanan <i>Politeness</i>	58.3%	41.7%	0	0
Kesediaan membantu serta memberi perhatian penuh <i>Willingness to assist and give full attention</i>	61.5%	30.8%	7.7%	0
Ketepatan masa menghantar surat akuan terima <i>Promptness in sending acknowledgement letter</i>	38.5%	53.8%	0	7.7%
Pemberitahuan kemajuan siasatan kes dari semasa ke semasa <i>Periodic notification regarding progress of investigation</i>	50.0%	42.9%	7.1%	0
Pemberitahuan tentang hasil siasatan kes aduan <i>Notification on the outcome of the investigation</i>	50.0%	35.7%	7.1%	7.1%
Keberkesanan berurusan melalui telefon <i>Effectiveness in dealing over the telephone</i>	18.2%	72.7%	9.1%	0
Cara jawapan melalui telefon <i>Way of responding through telephone</i>	41.7%	50.0%	8.3%	0
Kepercayaan kepada BPA dalam menyelesaikan masalah <i>Confidence in PCB's ability to resolve the problem</i>	64.3%	28.6%	0	7.1%
Kualiti perkhidmatan keseluruhan <i>Overall service quality</i>	57.1%	35.7%	0	7.1%
Purata <i>Average</i>	48.8%	44.2%	3.9%	3.1%

Thank You

Surat Penghargaan

Letters of Appreciation



KES 80247 : UCAPAN PENGHARGAAN

Saya dengan hormatnya merujuk perkara diatas.

1. Saya seperti nama diatas dengan sukacitanya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada pihak tuan terhadap tindakan segara dan memberi jawapan balas surat aduan saya bertarikh 27hb Mei 2011.
2. Sebenarnya masalah ini berlaku apabila pihak sekolah tidak memohon awal ciri-ciri keselamatan untuk murid melintas dengan selamat, sebaliknya pihak sekolah telah mengarah murid melintas sebelum mendapat ciri-ciri keselamatan jalanraya. Ia telah membawa masalah kesesakan lalu lintas di tempat tersebut. Apabila pihak sekolah gagal mengambil langkah utamakan keselamatan.
3. Kes ini sebenarnya boleh diselesaikan olik [REDACTED] dan Jabatan Pelajaran Perak Bhg Swasta dimana saya telah membuat aduan melalui surat dan berjumpa sendiri dengan pihak tertentu terhadap keselamatan murid dan orang awam di jalan kelab golf, namun tidak ada jawapan daripada surat aduan saya dari pihak mereka.
4. Walupun kini telah disediakan beberapa ciri-ciri keselamatan untuk murid sekolah melintas di Jalan Kelab Golf, namun perlu juga pihak yang bertanggung meningkatkan langkah-langkah keselamatan. JKJR kini telah mengambil beberapa langkah keselamatan bagi membantu pihak sekolah. Dengan ini saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat secara lansung dan secara tidak lansung dalam ciri-ciri keselamatan.
5. Di sini saya sebagai orang awam telah menjalankan tanggungjawab dengan membuat aduan tentang masalah tersebut. Sepatutnya pihak yang telah menerima aduan mengambil tindakan segera atau bantu salurkan kepada pihak tertentu untuk tindakan selanjutnya di atas keselamatan awam. Setelah mendapatkan tiada ada jawapan dari pihak mereka, saya terpaksa menghubungi banyak pihak termasuk pihak tuan, dimana pihak tuan saja yang dapat membantu saya dalam menangani kes ini. Ribuan terima kasih sekali lagi dari saya untuk pihak tuan. Biro aduan adalah rakan masyarakat.

TIDAK BERPUAS HATI DENGAN PERUKARAN MAJIKAN

Merujuk kepada perkara di atas, dengan sukacitanya saya ingin memaklumkan bahawa pihak majikan telah melakukan perubahan yang dituntut oleh pihak kami.

Perkara-perkara yang telah kami bangkitkan dalam [REDACTED] telah dipenuhi oleh pihak majikan, dengan itu kami amat berpuas hati.

Kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak tuan/puan, [REDACTED] dan Biro Pengaduan Awam di atas usaha dan kerjasama yang diberikan dalam menangani perkara ini.

Salam shafai,

Syabas dan tahniah bagi pihak BPA, maklumbalas yang saya terima daripada pihak BPA amatlah saya berpuas hati . sebelum ini saya kurang yakin dengan penyelesaian aduan-aduan yang telah dihantar ke BPA.

Aduan saya yang dihantar kepada BPA adalah aduan pertama dan bersama itu juga saya sebagai rakyat ingin menguji keberkesanannya aduan yang dihantar ,dan hari ini ia terbukti dimana pihak tuan dan BPA telah menjalankan tugasannya tuan/puan dengan cemerlang sekali .. tahniah dan terima kasih.

Aduan-aduan yang dihantar oleh rakyat biasa seperti kami ini bukanlah untuk meminta keistimewaan yang berlebih-lebih dipihak kerajaan, kami sekadar ingin membantu menutup "lubang-lubang kecil" di dalam sebuah kapal yang besar di laut.. jika "lubang-lubang kecil" ini dibiarkan , lama-kelamaan karamlah kapal itu..

Sekian. Terima kasih dan syabas BPA

Muhamad [REDACTED]
rujukan tuan : BPA/004/2011.01/AGN/73876

1. Saya merujuk kepada surat Tuan bertarikh [REDACTED] dan ingin mengucapkan terima kasih atas siasatan dan tindakan segera yang diambil oleh pihak Tuan.
2. Pihak [REDACTED] telahpun mengambil tindakan untuk memperbaiki masalah melayari internet di rumah saya dengan menukar cable di luar rumah dan juga [REDACTED]. Dalam pada itu, setelah beberapa bulan menghadapi masalah tersebut, masalah ini kini tidak timbul lagi.
3. [REDACTED] juga telah membuat beberapa panggilan kepada kami sebagai tindakan susulan terhadap masalah dan aduan kami.
4. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak [REDACTED] atas perkhidmatan yang diberi terhadap masalah/aduan saya tersebut.
5. Saya juga lampirkan bersama ini Borang Maklum Balas untuk perhatian Tuan.

Maklum balas.

Saya dengan sukacitanya mengucapkan jutaan terima kasih dengan tidak terhingga keatas perkhidmatan tindakan tuan yang begitu tangkas, cekap, pantas dan cepat 3 hari dari tarikh yang saya buat aduan, dan khidmat bantuan tuan yang sangat berkesan dan cukup mulung kepada masyarakat khususnya yang kurang kemahiran dan keupayaan untuk berurus di jabatan kerajaan sehingga kadangkala tidak dihirau langsung mengakibatkan urusan itu gagal.

Justru itu sekali lagi saya mengucapkan terima kasih ke atas jasa budi baik tuan untuk tindakan tuan selanjutnya agar dapat membantu dalam perkara ini sehingga berjaya urusan tukar milik selesai.

10 Ogos 2011

Biro Pengaduan Awam
 Jabatan Perdana Menteri
 Aras 6 Blok B1, Kompleks JPM
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62502 Putrajaya
 (U/P: En Saari Omar)

Salam Tuan,

EKSPLOITASI MAKLUMAT PERIBADI MELALUI INTERNET

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama pihak tuan, Biro Pengaduan Awam , Jabatan Perdana Menteri (BPA) yang telah mengambil tindakan segera keatas kes saya tempoh hari. Ke saya telah diselesaikan dalam tempoh yang cepat dan pantas dengan kerjasama dari pihak tuan. Pihak yang berkenaan juga telah menelefon saya dan memohon maaf dan telah menghantar email serta dikepilkhan bukti yang mengesahkan telah membuang (delete) dokumen yang berkaitan di dalam laman web [REDACTED]

Segala kerjasama dan jasa baik Tuan amatlah dihargai dengan ucapan ribuan terimakasih sekali lagi.

Inovasi Dalam BPA

Inovasi tidak terhad kepada langkah kreatif penyelesaian masalah, namun ia turut merungkai kebuntuan akibat peraturan-peraturan lama yang membelenggu perkhidmatan awam. Penyampaian perkhidmatan awam yang statik dan biasa tidak akan dapat memenuhi ekspektasi dan kehendak pelanggan yang semakin kritikal. Justeru, selaras dengan usaha Kerajaan menggalakkan inovasi dalam perkhidmatan awam, BPA turut mengambil pendekatan bagi pembentukan budaya inovasi secara berterusan berkaitan peranan utamanya serta meliputi tugas-tugas harian warganya. Inovasi yang dilaksanakan mencakupi pelbagai sudut seperti kepimpinan organisasi, pengurusan pelanggan, budaya kerja, sumber manusia, pengurusan kewangan dan aset serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Rangka *Business Excellence Model* (BEM) dijadikan panduan bagi menguruskan inovasi-inovasi di BPA. Tiga aspek dalam pelaksanaan inovasi dan pembaharuan merangkumi polisi dan strategi, kerjasama dan sumber serta proses kerja.

Polisi Dan Strategi

BPA telah melaksanakan beberapa pembaharuan dalam aspek polisi dan strategi demi melicinkan perjalanan pentadbirannya. Antaranya adalah seperti berikut:

- Pengenalan Dasar Keselamatan ICT;
- Pelaksanaan Audit Pengurusan Aduan di agensi awam;
- Pengenalan Garis Panduan Pengendalian Kes Berprofil Tinggi;
- Pengenalan Garis Panduan Pengurusan Hak Milik Pelanggan;
- Pelaksanaan e-Bidding;
- Pewujudan *Facebook* BPA dan dipautkan dengan Laman Web BPA;
- Perjumpaan Khas Ketua Pengarah BPA Bersama Pegawai Muda BPA;
- Pemakluman pekeliling baru semasa Mesyuarat Pagi Mingguan BPA;

Innovation in PCB

Innovation is not limited to creatively resolving problems but encompasses breaking free from the shackles of outdated regulations that restrict public service. The static and usual mode of public service delivery no longer meets the expectations and demands of an ever critical and discerning clientele. On the contrary, in line with the Government's effort in encouraging innovation in public service, PCB is inculcating a culture of continually evolving and innovating not only in its primary role but in its day-to-day tasks. Innovation, when implemented, encompasses many areas such as organisational leadership, client management, work culture, human resource, finance and asset management as well as information technology and communications (ICT). The Business Excellence Model (BEM) framework functions as a guide to manage innovation in PCB. Implementation of innovation covers three aspects, i.e. policy and strategy; partnerships and resources as well as the work process.

Policy and Strategy

PCB has implemented various innovations in aspects of policy and strategy for better administration. Among them are the following:

- *Introduction of ICT Security Policy;*
- *Implementation of Complaints Management Audits in public agencies;*
- *Introduction of guidelines for handling high profile cases;*
- *Introduction of guidelines for management of customer's property;*
- *Implementation of e-Bidding;*
- *Creating Facebook for PCB with links to its website;*
- *Special dialogue sessions between the Director-General of PCB and junior officers;*
- *The announcement of new circulars during PCB Weekly Morning Meetings;*

INOVASI DALAM BPA

- Penetapan tempoh lima hari orientasi di Ibu Pejabat BPA bagi pegawai baru;
- Penyelarasan semua surat perlantikan dan surat penurunan kuasa oleh Unit Sumber Manusia;
- Pemberian surat penghargaan bagi mengiktiraf agensi/jabatan yang mendapat pujian atau penghargaan di media;
- Muat naik ucapan atau artikel terpilih daripada Ketua Setiausaha Negara dalam laman web BPA;
- Pemantauan suhu pejabat; dan
- Penggunaan logo *Smiley* sebagai *background* komputer.

Kerjasama dan Sumber

Pengurusan aduan kendalian BPA dapat dilaksanakan dengan berkesan dan lancar dengan kerjasama dan sokongan padu agensi-agensi awam. Kerjasama ini dilaksanakan dalam bentuk berterusan atau *ad hoc* bergantung kepada kesesuaian keadaan. Antara bentuk kerjasama yang diwujudkan adalah seperti berikut:

- Perjumpaan Ketua Pengarah BPA dengan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian;
- Perjumpaan Ketua Pengarah BPA dengan Ketua Komunikasi Korporat dan Pegawai Perhubungan Awam Agensi;
- Kerjasama dengan Jabatan Penerangan dalam aspek pemantauan aduan di akhbar;
- Kerjasama dengan BERNAMA dalam menyebarkan maklum balas agensi terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam media;
- Kerjasama strategik dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD); dan
- Kerjasama ICT BPA dengan Seksyen Portal dan Multimedia, Bahagian Pembangunan Maklumat JPA bagi pembelajaran suntingan video klip.

INNOVATION IN BPA

- *Five-day orientation at PCB Headquarters for new officers;*
- *To coordinate all letters of appointment and delegation of authority by Human Resource Unit;*
- *Sending letters of appreciation to the agencies/departments that received complaints in the media;*
- *Uploading of selected speech or article by the Chief Secretary to the Government onto the PCB website;*
- *Monitoring office temperature; and*
- *The use of the Smiley logo as the computer background.*

Partnerships and Resources

The management of complaints is carried out more efficiently and effectively with the close cooperation and support of all public agencies. This cooperation is conducted on a continuous or ad hoc basis depending on the situation. Among the various cooperations are the following:

- *The Director-General of PCB meets with the Deputy Secretaries General of the Ministries;*
- *The Director-General of PCB meets with the Heads of Corporate Communications and Public Relations Officers of the agencies;*
- *Cooperation with the Information Department in monitoring complaints that appear in the newspapers;*
- *Cooperation with BERNAMA in publicising agencies' responses to issues raised in the media;*
- *Strategic cooperation with Land Public Transport Commission; and*
- *Cooperation with the Portal and Multimedia Section of the Information Development Division, PSD to learn about the editing of video clips.*

Proses Kerja

Kecemerlangan sesebuah agensi bergantung kepada kecekapan proses kerja yang diamalkan oleh agensi tersebut dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan. Proses kerja sedia ada hendaklah disemak semula secara berkala dan dibuat pembaharuan atau penambahbaikan secara berterusan bagi memastikan pelanggan menerima perkhidmatan terbaik. BPA turut melaksanakan pembaharuan-pembaharuan dalam proses kerja bagi mencapai tujuan tersebut. Langkah pembaharuan proses kerja mencakupi aspek khidmat pengurusan dan juga pengurusan aduan.

Work Process

The excellence of an agency depends on its efficient work process in providing service to the clientele. The existing work process must be regularly reviewed and continuously improved to ensure that customers are given the best service. To achieve this aim, PCB has also introduced new elements in the work process encompassing aspects such as customer service and complaints management.



Antaranya adalah seperti dinyatakan di bawah:

Bahagian Khidmat Pengurusan

- Perkhidmatan *WiFi* di sediakan di BPA;
- Pergenalan sub kategori penyelesaian aduan dan kategori kes tutup;
- Penyelarasian jam *server* dengan Waktu Piawai Malaysia;
- Pemantauan semua emel yang dihantar kepada *aduan@pcb.gov.my* oleh Unit Komunikasi Korporat;
- Penguatkuasaan Modul Cuti melalui HRMIS;
- Peraturan tuntutan kerja lebih masa untuk pemandu;
- Penambahbaikan ke atas sistem pengurusan surat dan pos laju di Ibu Pejabat BPA;
- Pewujudan *folder* pembelajaran bersama yang mengandungi peringatan, teguran dan nasihat Ketua Pengarah BPA;
- Paparan maklumat had saiz dokumen yang boleh dilampirkan di dalam borang aduan laman web;
- Pembayaran bil Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan TELEKOM secara terus oleh pejabat negeri;
- Pemantauan pelaksanaan Mesyuarat Mingguan di pejabat;
- Pemantauan Tanggungan Belum Selesai (TBS) secara mingguan;
- Pemantauan kad perakam waktu secara mingguan;
- Pelaksanaan Mesyuarat Pengurusan berkonsepkan *paperless*;
- Pewujudan Borang Penilaian Pembekal bagi menilai prestasi pembekal;
- Pelbagai borang dimuat naik ke "Shared Folder" untuk penggunaan warga BPA (contohnya borang aduan kerosakan, borang permohonan pindaan sistem, borang keluar pejabat); dan
- Edaran Direktori BPA sekurang-kurangnya tiga kali setahun.

Among the improvements are:

Management Services Division


- *WiFi service provided at PCB;*
- *Introducing sub-categories for complaints resolution and for closed cases;*
- *Streamlining the server time with Malaysian Standard Time;*
- *The Corporate Communication Unit to monitor emails sent to *aduan@pcb.gov.my*;*
- *Enforcement of Leave Module through HRMIS;*
- *Regulations for overtime claims for the drivers;*
- *Improvement in the mails and Pos Laju management system at PCB Headquarters;*
- *Creating a shared learning folder that contains reminders, reprimands and advice from the Director-General;*
- *Specifying the maximum size of a document that can be attached in the website complaints form;*
- *Payments of TNB and TELEKOM bills directly by respective state offices;*
- *Monitoring of Weekly Meetings of state offices;*
- *Weekly Monitoring of Outstanding Payments;*
- *Weekly Monitoring of punch cards;*
- *Implementing paperless Management Meetings;*
- *Creating a Supplier Evaluation Form to evaluate the performance of suppliers;*
- *Uploading various forms in Shared Folder for the use of PCB staff (e.g. Forms to report faults, forms to request for system amendments, forms to leave the office); and*
- *Circulating the PCB Directory at least three times a year.*

Pengurusan Aduan

- Penggunaan Borang Kepuasan Pelanggan secara *online*;
- Penambahan ciri *Remember Me* pada skrin borang aduan *online*;
- Penggunaan surat pelepasan yang ditandatangani oleh pengadu untuk mengatasi isu kerahsiaan bagi aduan bank;
- Pelaksanaan rintis i-SPAAA di BPA;
- Makluman mesej peringatan melalui Sistem PIKA;
- Pemantauan pencapaian KPI bagi urusan pertanyaan awam yang perlu dijawab dalam tempoh empat hari;
- Penyediaan laporan pertanyaan secara bulanan dan mingguan; dan
- Pelaksanaan *e-rating* individu di BPA.

Complaints Management

- Usage of online Customer Satisfaction Forms;
- Add on the 'Remember Me' feature on the screen of the online complaints form;
- Use of Letter of Release signed by the complainant to overcome the issue of confidentiality for complaints about banks;
- Implementing the pilot project for i-SPAAA at PCB;
- Sending the reminder message through the PIKA system;
- Monitoring the KPI target for public enquiries that need to be responded to within four days;
- Preparation of report on enquiries on a monthly and weekly basis; and
- Implementing individual e-rating at PCB.



Hari Inovasi

Hari Inovasi BPA bagi Tahun 2011 telah diadakan pada 29 Julai 2011, yang merupakan acara bagi tahun kedua. Tema sambutan pada kali ini ialah 'Gaya Hidup Inovasi' yang antara lain bermatlamat supaya semua warga BPA dapat merancakkan pembudayaan inovasi dan kreativiti dalam amalan sehari-hari khususnya bagi menyampaikan perkhidmatan kepada para pelanggan. Pelbagai aktiviti dan program pengisian sambutan Hari Inovasi BPA Tahun 2011 telah diadakan melibatkan semua warga BPA di Ibu Pejabat dan Pejabat-pejabat BPA Negeri iaitu Pertandingan Cross Words Puzzle berkaitan pengetahuan inovasi dan program Bual Bicara Interaktif Bersama Zul Design Autotronik yang mencetuskan minat terhadap penciptaan. Sambutan Hari Inovasi BPA Tahun 2011 turut dimeriahkan lagi dengan Pameran Produk dan Perkhidmatan Inovasi oleh Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia (INTAN), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Pusat Pemulihan Narkotik (PUSPEN) dan pelbagai syarikat yang berteraskan inovasi dan kreativiti.

Innovation Day

PCB Innovation Day for 2011, now in its second year, was held on 29 July 2011 with the theme 'Innovative Life Style'. The objective was to have all PCB citizens to actively imbibe the culture of innovation and creativity in their everyday practice, particularly when serving the public. Various activities and programmes, such as the Crossword Puzzle Competition related to knowledge about innovation, and the Interactive Talk session with Zul Design Autotronik that created interest in inventions, were carried out during PCB Innovation Day 2011 involving all personnel from PCB Headquarters and the state offices. The exhibition on innovative products and services by the National Institute of Public Administration, Malaysia Armed Forces, Malaysian Association for the Blind, National Antidrug Agency, Narcotic Rehabilitation Centre and various organisations further enhanced the celebrations.





Pemantauan Media

Rakyat menggunakan pelbagai kaedah dan saluran untuk menyampaikan rasa tidak puas hati mereka. Antara kaedah yang kerap digunakan ialah melalui saluran media cetak seperti ruangan Surat Kepada Pengarang (SKP). Ada kalanya maklumat yang disalurkan itu tidak semestinya tepat, namun penyebaran dan pengaruhnya cukup luas dan menarik perhatian banyak pihak.

Oleh itu, maklum balas SKP adalah penting dilakukan dalam tempoh yang paling singkat dan memastikan ia dapat memberi maklumat yang tepat kepada masyarakat tentang persoalan atau isu yang dibangkitkan. Justeru, BPA membuat ketetapan agar ulasan atau jawapan kepada SKP dilakukan dalam tempoh 24 jam selaras dengan saranan YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara (KSN).

Secara keseluruhannya, bilangan berita dan SKP sepanjang tahun 2011 yang telah dipantau berjumlah 39,460 di mana 36,301 (92%) adalah berita dan 3,159 (8%) adalah SKP. Daripada 3,159 SKP yang diterima, 2,165 (68.5%) telah dikenalpasti memerlukan maklum balas kepada pihak media.

Media Monitoring

The public uses various methods and channels to express their dissatisfaction. One of the most frequently used channels is the print media, such as Letters to Editor (LTE). Although there are times when what is written is not accurate, the fact that it reaches a wide audience has an impact, influence and attracts the attention of many parties.

Therefore, it is important that the response to LTE be done in the shortest period to provide accurate information to the public about matters or issues raised. Subsequently, PCB has made it mandatory that all responses to LTE be made within 24 hours as in accordance with the directive from the Chief Secretary to the Government.

Overall, the number of news and LTEs monitored in 2011 totalled 39,460 where 36,301(92%) were news and 3,159 (8%) were LTEs. Of the 3,159 LTEs that were received, 2,165 (68.5%) were identified as being required a response to the media.

PEMANTAUAN MEDIA

MEDIA MONITORING

Kerjasama dengan BERNAMA

Pemerhatian BPA mendapati ada maklum balas yang agensi panjangkan kepada pihak media tidak diberi perhatian sewajarnya. Bagi mengatasi masalah ini, alternatif yang telah dikenal pasti ialah setiap agensi kerajaan hendaklah menyatakan maklum balas SKP dengan memuat naik di laman web kementerian masing-masing. Di samping itu, BPA juga turut memuatnaikkan maklum balas ini di laman webnya. Bermula pada 1 September 2010, BPA telah menyediakan satu saluran tambahan bagi semua kementerian memuat naik maklum balas SKP iaitu melalui ruangan BERNAMA Online. Dalam tahun 2011 terdapat 1,612 SKP telah dimuat naik ke dalam ruangan maklum balas SKP di BERNAMA Online. Jumlah keseluruhan SKP yang telah dimuatnaik sejak pelaksanaannya pada 1 September 2010 adalah sebanyak 2,424. Sepanjang tahun 2011, pihak BERNAMA telah merekodkan sebanyak 909,848 hits dari orang ramai ke ruangan ini. Ini menunjukkan ruangan tersebut menjadi rujukan orang ramai bagi tujuan mendapatkan maklum balas agensi kerajaan.

Collaboration with BERNAMA

